

26/07/2001

Sesi khas Kabinet bincang Black Metal 8 Ogos

Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Rabu - Kabinet akan mengadakan sesi khas pada 8 Ogos ini bagi membincangkan kecenderungan remaja terbabit dalam jenayah serta kegiatan tidak berfaedah, termasuk gejala Black Metal, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jemaah menteri berpendapat permasalahan yang melanda remaja pada masa ini amat penting dan perlu dibincangkan secara khusus serta berasingan daripada perkara lain.

Beliau berkata, sesi khas mesyuarat Kabinet itu akan menyentuh permasalahan remaja masa kini yang mudah terpesong daripada pelajaran mereka dan terbabit dalam kegiatan tidak berfaedah.

"Kami ada membincangkan perkara ini, bukan saja isu Black Metal, tetapi kecenderungan remaja hari ini terbabit dalam jenayah," katanya pada sidang akhbar selepas Taklimat Khas Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might), di Dewan Taklimat di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata, Kabinet ada menerima pandangan beberapa pihak, terutama kumpulan wanita dan jemaah menteri akan mengambil kira semua pandangan itu.

Bagaimanapun, katanya, mesyuarat khas Kabinet itu bukan forum terbuka bagi membincangkan perkara terbabit.

"Ia bukan sesi perbincangan dengan pihak lain. Ia adalah sesi Kabinet mengenai isu remaja dan terhad kepada anggota Kabinet saja," katanya.

Sementara itu, lebih ramai pelajar di seluruh negara disoal siasat oleh polis berhubung pembabitan mereka dalam kegiatan Black Metal.

Berdasarkan siasatan, ada di antara pelajar berkenaan terbabit dalam upacara membakar ayat al-Quran dan mengikuti upacara diketuai 'tok guru' yang berselubung hitam.

Di IPOH, Azmi Md Deros melaporkan, polis Perak menyoal siasat 20 pelajar berusia antara 14 hingga 17 tahun berhubung pembabitan mereka dalam kumpulan itu. Bagaimanapun, polis tidak menahan pelajar terbabit, sebaliknya hanya mengambil keterangan mereka.

Ketua Polis Perak, Datuk Syed Abdul Rahman Syed Abdul Kadir, berkata mereka yang dipanggil memberi keterangan ialah 10 pelajar dari sebuah sekolah menengah di Parit Buntar, manakala bakinya dari sebuah sekolah menengah di Ipoh.

Beliau berkata, polis turut memanggil ibu bapa pelajar terbabit dan setakat ini mereka memberikan kerjasama baik dengan menceritakan apa yang berlaku.

Katanya, siasatan mendapati pelajar berkenaan terbabit dalam kumpulan Black Metal sejak 1999.

Syed Abdul Rahman berkata, siasatan polis juga mendapati ada upacara membakar al-Quran yang mana sebelum upacara itu, mereka memasang lilin dan ada doa dibacakan tok guru yang semuanya memakai pakaian selubung hitam.

"Setakat ini kita tidak mengambil tindakan kerana mereka tidak melakukan jenayah, tetapi lebih kepada pemujaan syaitan dan mengikut pandangan Islam mereka ini boleh terkeluar dari akidah.

"Pelajar terbabit mengikut rakan dan pada pendapat kita mereka ini kurang mendapat perhatian ibu bapa," katanya selepas majlis perasmian Ujian Kemahiran Menembak Reli Peringkat Kebangsaan di Lapang Sasar Kem Briged Utara Pasukan Gerakan Am (PGA), dekat sini.

Dalam pada itu, Kerajaan Perak mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) menyasat kemungkinan ada guru di negeri itu terbabit dalam kumpulan

Black Metal sehingga mempengaruhi pelajar menyertainya.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Pendidikan negeri, Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah, berkata siasatan itu perlu dilakukan kerana kerajaan tidak menolak kemungkinan ada guru yang menyertai atau memimpin kumpulan itu.

Di KANGAR, Johari Ibrahim melaporkan, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata 22 pelajar dari tiga sekolah menengah di sekitar bandar berkenaan dikesan terbabit dengan kegiatan Black Metal.

Beliau berkata, 20 daripada pelajar berkenaan yang berusia antara 15 hingga 17 tahun dikesan menjadi pengikut kumpulan itu semalam, manakala dua lagi disoal siasat Isnin lalu.

Pelajar terbabit yang menggelar kumpulan mereka sebagai Metal Malaya, dikesan selepas pihak berkuasa menyoal siasat dua pelajar yang dipercayai menjadi ketua kumpulan itu di sini, Isnin lalu.

"Bagaimanapun, pembabitan pelajar itu masih pada peringkat awal dan kebanyakan mereka hanya terikut-ikut dari segi pakaian dan minat kepada muzik metal," katanya pada sidang akhbar, hari ini.

Shahidan berkata, kerajaan negeri masih meneruskan siasatan di 20 sekolah menengah lain dan pusat pengajian tinggi di seluruh negeri itu.

"Siasatan juga dijalankan berikutan ada maklumat mengatakan kumpulan itu juga menjadikan bandar sempadan dengan Thailand, Wang Klian, sebagai pusat berkumpul," katanya.

Di KOTA BHARU, Betty Subaryati melaporkan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, meminta semua pihak, termasuk media massa memerangi habis-habisan gejala Black Metal sehingga ke akar umbi.

Beliau berkata, langkah itu perlu bagi memastikan remaja tidak terus terjerumus dengan gejala yang boleh memesongkan akidah umat Islam.

Sehubungan itu, beliau juga mahu media massa bertindak proaktif dan tidak mengeksploitasikan cerita sensasi mengenai gejala itu.

"Sebagai pakar dalam penulisan, mereka hendaklah mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini dan menjalankan penyiasatan untuk mengenal pasti punca yang menyebabkan gejala itu timbul," katanya merasmikan majlis penyerahan Taman Perbandaran Kota Bharu kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) di Kampung Tanjung Chat, di sini hari ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, pula berkata peningkatan tahap penguasaan golongan muda dalam bidang agama dan budaya perlu melalui program rakan muda bagi mengelakkan gejala negatif seperti Black Metal terus berleluasa dan merosakkan jati diri mereka.

Beliau yang juga Ketua Pemuda MCA berkata, pemimpin dan mereka yang arif dalam bidang agama harus bekerjasama dengan kerajaan untuk mencari strategi bersepadu bagi menghalang penyebaran ajaran agama sesat dan gejala negatif.

"Kita tidak boleh memberi ruang kepada penyebaran ajaran agama sesat dan gejala negatif kerana ia akan mengurangkan daya saing generasi muda negara ini di mata dunia," katanya pada sidang akhbar di Wisma MCA di sini, hari ini.

(END)